



UCAPAN PERASMIAN MAJLIS SAMBUTAN HARI KELUARGA RISDA 2008

**OLEH
YG. BHG. TAN SRI RAHIM TAMBY CHIK
PENGERUSI RISDA**

**TEMPAT : DESA WATERPARK, KUALA LUMPUR
TARIKH : 22 JUN 2008
MASA : 8.45 pagi**

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Dato' Mohamad Izat Hasan
Ketua Pengarah RISDA serta Yg. Bhg. Datin Zaimah bt Zakaria

Yang Berbahagia Dato' Rahmah Kasim
Ahli Pihak Berkuasa RISDA

Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman
Ahli Pihak Berkuasa RISDA

Dato' Hj. Ali Nordin bin Wahiduddin
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) serta Datin

Tn. Hj. Wan Mohamad Zuki bin Hj. Mohamad
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat) merangkap
Pengerusi Jawatan Kuasa Induk Hari Keluarga RISDA 2008 serta
Isteri

Pengarah-pengarah Bahagian RISDA serta keluarga

Pengurus-Pengurus Besar Anak Syarikat RISDA serta keluarga

Pengarah RISDA Negeri serta keluarga

Tuan-Tuan dan Puan-Puan warga RISDA serta keluarga

Dan tidak lupa juga kepada wakil-wakil media yang turut
memeriahkan Majlis kita pada hari ini.

3

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam
sejahtera**

1.0 PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, dapat kita berkumpul pada hari ini sempena
Majlis Sambutan Hari Keluarga RISDA 2008 dalam keadaan sihat
serta sejahtera. Saya merakamkan setinggi penghargaan kepada
Pengurusan RISDA khususnya Dato' Mohammad Izat Hasan yang
telah menjemput saya dan juga memberi penghormatan kepada
saya untuk menyampaikan sedikit ucapan dan merasmikan Majlis

4

ini. Sejak 3 minggu saya menerajui RISDA, saya hanya sempat berjumpa dengan pihak pengurusan RISDA sahaja tetapi hari ini saya berpeluang untuk berkenalan dan bermesra dengan begitu ramai warga RISDA dan juga Anak Syarikat sekali gus dalam satu suasana harmonis dan kekeluargaan. Keceriaan pada wajah Tuan-tuan dan Puan-puan serta keluarga cukup memberi kepuasan kepada saya bahawa saya telah masuk organisasi yang betul. I have joined a very big and strong family.

2.0 SAMBUTAN HARI KELUARGA RISDA

Acara menyambut sambutan Hari Keluarga adalah satu acara yang amat digalakkan supaya dapat mempereratkan hubungan silaturahmi dan kemesraan melalui pelbagai program yang diaturkan. Pertemuan sebigini amat berbeza dibandingkan dengan suasana formal di pejabat. Dengan keadaan pelbagai masalah sosial yang kita baca dalam akhbar harian, kita perlu mengukuhkan kembali institusi kekeluargaan kerana keluarga merupakan paksi atau tiang utama kehidupan setiap individu. Kita perlu wujudkan semangat kekeluargaan dan menjalin hubungan yang rapat antara ahli-ahli keluarga kita, hormat menghormati,

bantu membantu, menghargai dan memberi penghargaan, bertolak ansur serta jujur dalam semua aspek kehidupan.

3.0 KEMASUKAN RISDA KE SARAWAK

Keluarga RISDA akan lebih besar lagi bila cadangan memperluaskan operasi RISDA ke Sarawak menjadi kenyataan tidak lama lagi. Perkara ini sedang dalam peringkat perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sarawak. Kemasukan RISDA ke Sarawak adalah atas permintaan kerajaan Sarawak untuk

7

memesatkan pembangunan perusahaan getah pekebun kecil di sana.

4.0 KESAN KENAIKAN HARGA MINYAK DAN BARANG

Seperti yang kita sedia maklum, masyarakat kita di Malaysia sedang berhadapan dengan masalah kenaikan harga minyak dan barang makanan. Saya mengambil kesempatan disini untuk menjelaskan beberapa tindakan yang telah di ambil oleh pihak Kerajaan dalam masa terdekat ini sebagai tindakan untuk menangani kenaikan harga minyak dan barang makanan supaya

8

dapat kita kongsi bersama-sama dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya.

4.0 LANGKAH PERBELANJAAN BERHEMAH

Sejajar dengan kenaikan harga minyak, Kerajaan telah mengumumkan pakej penstrukturan semula subsidi minyak dan gas yang akan memberi penjimatan sejumlah RM 13.7 bilion. Di samping itu, Kerajaan juga turut mengambil langkah penjimatan untuk memberi fokus yang lebih kepada *people centric* program dan projek. Dalam perkhidmatan awam, langkah-langkah yang

9

perlu di beri perhatian termasuk pemotongan perbelanjaan awam sebanyak 10%, jawatan baru dibekukan, penyusunan semula organisasi tidak dibenarkan, elaun lebih masa di kawal, perjalanan dalam negeri dihadkan dan perjalanan ke Luar Negara tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan perbendaharaan, penganjuran seminar dihadkan kepada yang perlu sahaja, pengubahsuaian pejabat tidak dibenarkan, pembelian aset ditangguhkan, penjimatan penggunaan utiliti seperti air dan elektrik, majlis dan upacara keraian dihadkan atau di buat secara sederhana sahaja.

Dengan ini saya berharap pengurusan RISDA akan mengambil perhatian yang serius atas perkara ini dan mengawasi dengan rapi setiap perbelanjaan.

Perbelanjaan berhemah ini bukan sahaja di pejabat tetapi juga meliputi perbelanjaan di rumah. Oleh kerana semua ahli keluarga RISDA ada bersama pada hari ini, saya sarankan supaya kita sama-sama ambil langkah yang sewajarnya. Semua orang perlu memainkan peranan masing-masing bagi mengatasi masalah kenaikan harga yang dialami sekarang.

5.0 PENUTUP

Akhir kata saya mengambil kesempatan disini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengurusan RISDA khususnya Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua pengarah RISDA kerana menjemput saya dan isteri hadir sama pada hari ini. Juga kepada semua warga RISDA serta keluarga yang telah sudi hadir pada hari ini untuk menjayakan majlis ini. Kepada semua ahli keluarga yang telah menyokong perjuangan suami, isteri, bapa atau mereka dalam perkhidmatan RISDA selama ini, terima kasih diucapkan.

Saya berdoa semua Warga RISDA dalam keadaan sihat walafiat dan sentiasa dilindungi oleh Allah SWT dalam usaha kita untuk membangunkan masyarakat pekebun kecil.

Dengan kata-kata ini dan dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim', saya merasmikan Majlis Sambutan Hari Keluarga RISDA 2008

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.